



Gambaran artis tentang Hunter Street Station.

Projek Pembinaan awam utama di antara The Bays dan Sydney CBD Penyataan Impak Alam Sekitar 2021

Suara Anda

Sydney Metro adalah projek pengangkutan awam terbesar di Australia.

Sydney Metro West merupakan keretapi metro bawah tanah yang baharu. Adalah dijangkakan bahawa projek ini akan mewujudkan kira-kira 10,000 peluang pekerjaan secara langsung dan 70,000 peluang pekerjaan secara tidak langsung. Ia akan menggandakan kapasiti rel di antara Greater Parramatta dan CBD Sydney dan seterusnya mentransformasikan Sydney untuk generasi yang akan datang.

Perancangan rasmi projek Sydney Metro West telah bermula pada 2019 dan akan berterusan ke awal 2020-an.

Kerja-kerja pembinaan yang bermula di bandar ini telah mewujudkan pembentukan The Bays di tahun 2020. Mesin pengorek terowong (TBM) dijangka akan ditempatkan di bawah tanah pada tahun 2022.

Kini, Sydney Metro sedang memohon kelulusan untuk kerja pembinaan awam lanjutan, termasuk penggalian stesen dan terowong, di antara The Bays dan Sydney CBD.

Sekarang adalah masa untuk Anda menyuarakan pendapat Anda tentang projek infrastruktur ini yang disifatkan sebagai sekali dalam satu abad.

Penyataan Impak Alam Sekitar untuk projek pembinaan awam utama di antara The Bays dan Sydney CBD sedang dalam pameran sehingga 15 Disember 2021.



Sydney Metro West meletakkan sasaran masa perjalanan, kira-kira 20 minit, di antara Parramatta dan Sydney CBD.



Sebuah stesen metro baharu di tengah-tengah pusat komersial Sydney CBD yang akan menghubungkannya terus ke kawasan-kawasan pekerjaan yang mapan dan sedang berkembang di Sydney.



Akses yang lebih pantas dan kerap ke pusat pekerjaan dan pendidikan utama seperti Parramatta dan Sydney Olympic Park.



Sebuah stesen metro baharu di Westmead – salah satu presint kesihatan dan pendidikan yang terbesar di Australia.



Menyampaikan perkhidmatan rel baharu buat kali pertama di Burwood North, Five Dock, Pyrmont dan The Bays.



Sebuah stesen metro baharu di Pyrmont – memberi manfaat utama kepada komuniti Pyrmont dan menyokong rancangan transformasi daerah di pinggir pelabuhan.



Sebuah stesen metro baharu di Sydney Olympic Park, presint yang super/hebat untuk sukan dan hiburan di Sydney.



Bersepadu dengan seluruh sistem pengangkutan awam Sydney.



Semua infrastruktur Sydney Metro seperti stesen, keretapi dan landasan keretapi dimiliki oleh Kerajaan NSW.

Stesen Hunter Street

Di tengah-tengah pusat komersial Sydney CBD, Stesen Hunter Street yang baharu akan menjadi stesen Sydney Metro yang keempat di Sydney CBD dengan sambungan mudah ke George Street, Light Rail (Aliran Ringan), perkhidmatan Keretapi Sydney di Wynyard dan Martin Place serta Sydney Metro City yang baru & Stesen barat-daya di Martin Place.

Satu presint yang besar di antara beberapa jalan termasuk George, Hunter, O'Connell dan Bligh yang akan mengutamakan pejalan kaki dan menyokong domain awam yang berdaya di tengah-tengah Sydney CBD. Pintu masuk ke stesen dicadangkan terletak di Jalan George, Jalan O'Connell dan Jalan Bligh.

Laluan pejalan kaki bawah tanah yang dicadangkan akan mengizinkan transit mudah sepanjang jalan dari Martin Place ke Barangaroo - menyediakan hubungan yang cekap antara Sydney Metro City & Southwest dan Perkhidmatan Keretapi Sydney. Stesen baharu itu dijangka mempunyai bilangan pelanggan/pengguna menuju ke bandar, yang tertinggi di seluruh rangkaian rel Sydney pada waktu kemuncak pagi. Dengan itu, mengurangkan tekanan di Stesen Wynyard dan Stesen Dewan Perbandaran.



Pemandangan udara Sydney CBD.

Jimat masa perjalanan pergi ke dan datang dari, Sydney CBD

	Masa perjalanan di Sydney Metro West	Jimat masa perjalanan*
Westmead	22 minit	7 minit
Parramatta	20 minit	6 minit
Sydney Olympic Park	15 minit	24 minit
Pyrmont	2 minit	12 minit

*Berdasarkan kepada masa perjalanan daripada pengangkutan awam yang masih aktif, antara 8 pagi dan 9 pagi pada hari bekerja.

Stesen Pyrmont

Stesen Pyrmont baharu akan bertempat di depan Darling Harbour, Blackwattle Bay, Pasar Ikan Sydney baharu dan Sydney CBD. Pintu masuk stesen dicadangkan terletak di Jalan Jambatan Pyrmont dan Jalan Union.

Pyrmont Station akan memperkasakan rancangan untuk menggiatkan semula kawasan dalam bandar ini dengan menggalakkan pertumbuhan peluang pekerjaan, pelaburan dan ekonomi. Stesen ini akan meningkatkan tahap perhubungan baharu ke Semenanjung Pyrmont dan mengutamakan pergerakan pejalan kaki di sekitar stesen melalui bahagian hadapan jalan yang sentiasa sibuk dan tempat-tempat awam terbuka.

Sydney Metro akan terus bekerjasama dengan Jabatan Perancangan, Industri dan Alam sekitar, dan juga pihak-pihak berkuasa yang lain serta masyarakat umum untuk memastikan Stesen Pyrmont dapat menyokong visi masa depan Semenanjung Pyrmont.



Gambaran artis tentang Pyrmont Station.

Jimat masa perjalanan pergi ke dan datang dari, Pyrmont

	Masa perjalanan di Sydney Metro West	Jimat masa perjalanan*
Westmead	20 minit	32 minit
Parramatta	18 minit	30 minit
Sydney Olympic Park	13 minit	43 minit
North Strathfield	10 minit	29 minit
Hunter Street	2 minit	12 minit

*Berdasarkan kepada masa perjalanan daripada pengangkutan awam yang masih aktif, antara 8 pagi dan 9 pagi pada hari bekerja.



Dari The Bays ke Sydney CBD

Penggalian tapak stesen

Gegua stesen baharu akan digali di Pyrmont dan Hunter Street. Kedua-dua stesen Pyrmont dan Hunter Street mempunyai gegua rentang. Ini bermaksud kedua-dua terowong akan memasuki ke gegua yang sama dengan satu platform pusat. Kaedah penggalian stesen akan ditentukan berdasarkan kepada keadaan unik tapak, termasuk terowong itu dirancang untuk pergi ke mana, ruang bawah tanah bangunan-bangunan yang sedia ada dan struktur bawah tanah yang lain.

Penjajaran and koridor terowong

Penjajaran dan koridor terowong adalah sama seperti laluan keretapi di atas permukaan dimana ia mesti mengikuti koridor yang telah dikekalkan dan diluluskan. Terowong untuk Sydney Metro West akan melalui koridor keretapi bawah tanah yang dikhaskan untuknya - juga dikenali sebagai koridor strata bawah (substratum).


Yang mana boleh, koridor bawah tanah akan mengambil laluan dalam bumi yang letaknya di bawah jalan-jalan utama, kawasan lapang atau bangunan awam.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes di mana ini tidak dapat dilaksanakan. Dalam keadaan itu, koridor bawah tanah akan berada di bawah harta persendirian.

Sydney Metro akan mengambil langkah-langkah rasmi dalam pemerolehan hak bawah tanah untuk tujuan penjajaran terowong, sebaik sahaja reka bentuk penjajaran terowong telah disahkan. Pasukan projek akan menghubungi semua pemilik hartanah yang terjejas secara langsung. Sydney Metro hanya akan mengambil tanah yang betul-betul diperlukan demi membina terowong yang selamat dan untuk perlindungan jangka panjang.

Sydney Metro juga memohon pindaan kepada Dasar Perancangan Alam Sekitar Negeri (infrastruktur) bertujuan melindungi koridor terowong kira-kira 25 meter dari jajaran terowong yang dicadangkan untuk memberi perlindungan kepada terowong.

Gegua rentang



*Indikatif, tertakluk kepada reka bentuk terperinci.

Penggorekan Terowong

Sydney Metro sungguh berbangga kerana sudah berjaya menyiapkan/menyampaikan lebih daripada 60 kilometer terowong untuk laluan Barat-Laut Metro dan City & laluan Barat-Daya.

Sydney Metro menggunakan teknologi terowong yang canggih dan mematuhi syarat-syarat yang ketat untuk memastikan terowong dibina dengan selamat.

Rekod prestasi kami sepanjang tujuh tahun yang lalu telah mengesahkan bahawa penggorekan terowong adalah suatu kaedah pembinaan yang sangat selamat dan cekap, terutamanya di kawasan batu pasir Sydney. Kerja-kerja pembinaan tidak mungkin akan mengakibatkan kerosakan pada bangunan atau infrastruktur.

Dua TBM (Mesin Pengorek Terowong) akan diperlukan untuk menggorek terowong di antara The Bays dan Hunter Street dan akan dilancarkan dari The Bays. TBM akan menggorek size seakan terowong berkembar di bawah pelabuhan di Johnstons Bay dan Darling Harbour, sebelum sampai ke Hunter Street. Purata dalam, Terowong Sydney Metro West ialah 38 meter - kira-kira 13 tingkat di bawah tanah.



Gegua dalam projek Sydney Metro City & Southwest.

Proses perancangan

Sydney Metro telah mengemukakan Penyataan Impak Alam Sekitar berkaitan projek pembinaan awam utama di antara The Bays dan Sydney CBD, kepada Jabatan Perancangan, Industri dan Alam Sekitar untuk membuat penilaian. Dokumen perancangan ini kini dalam pameran awam.

Kelulusan perancangan masa depan akan mempertimbangkan:

- infrastruktur rel keretapi, stesen, presint dan operasi antara Westmead dan Sydney CBD
- pembangunan bersepadu antara stesen dan presint berkaitan.

Masyarakat umum akan dapat mengetahui lebih lanjut dan juga menyuarakan pendapat mereka sepanjang proses perancangan.

Kunjungi ruang maya kami

Sydney Metro telah mewujudkan ruang penglibatan maya untuk membantu Anda mengetahui lebih lanjut tentang aspek penting projek berkenaan.


Anda akan dapat meneroka papan maklumat di sekeliling ruang, membaca dokumen perancangan, mengetahui lebih lanjut daripada pakar projek kami dan mengezum ke dalam peta projek interaktif kami untuk memahami tentang perkembangan yang bakal dibawa Sydney Metro West untuk kawasan Anda.

Gunakan kod QR atau kunjungi sydneymetro.info/metrowest.



Ruang maya Sydney Metro West.

Proses perancangan untuk pembinaan awam utama antara The Bays dan Sydney CBD




Suara Anda

Penyataan Impak Alam Sekitar untuk projek pembinaan awam utama antara The Bays dan Sydney CBD dipamerkan kepada orang awam sehingga hari **Rabu, 15 Disember 2021**. Sesiapa sahaja boleh membuat penghujahan dalam mana-mana bahasa, mengenai Penyataan Impak Alam Sekitar kepada Jabatan Perancangan, Industri dan Alam Sekitar .

Setelah itu, Jabatan berkenaan akan mengumpul semak penghujahan yang diterima dan menerbitkannya di laman web mereka. Isu yang dibangkitkan dalam penghujahan akan dipertimbangkan sebelum projek dinilai dan ketentuan dibuat. **Penyerahan penghujahan Anda hendaklah sampai ke Jabatan berkenaan selewat-lewatnya pada hari Rabu 15 Disember 2021.**

Teruskan berhubung

-  Kunjungi planningportal.nsw.gov.au/major-projects/project/41851 untuk melihat EIS (Penyataan Impak Alam Sekitar) yang lengkap.
-  Kunjungi sydneymetro.info untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Sydney Metro dan daftar untuk makluman e-mel.
-  Kunjungi sydneymetro.info/metrowest untuk melihat peta interaktif projek, mengetahui perkara/perkembangan yang akan berlaku di kawasan anda sambil belajar daripada ahli pakar pasukan projek.
-  Hubungi kami melalui talian **1800 612 173** untuk bercakap dengan salah seorang pengurus kami yang berdedikasi.
-  E-mel pertanyaan anda kepada sydneymetrowest@transport.nsw.gov.au dan kami akan menghubungi anda kembali.
-  Jika anda memerlukan jurubahasa, hubungi TIS National di **131 450** dan minta mereka sambung ke **1800 612 173**.

Gunakan kod QR untuk memuat turun aplikasi **Sydney Metro Connect** daripada App Store atau Google Play.





Cara menyampaikan penyerahan/penghujahan

-  Dalam talian: kunjungi planningportal.nsw.gov.au/major-projects dan ikuti pautan 'dalam pameran'
-  Tulis surat kepada:
**Planning and Assessment
Department of Planning, Industry and Environment
Locked Bag 5022
Parramatta NSW 2124**

Surat anda mesti mengandungi:

- Nama dan alamat anda, di bahagian atas surat sahaja (atau dalam muka surat penutup berasingan jika anda mahu butiran peribadi anda dirahsiakan dan tidak diterbitkan).
- Nama permohonan dan nombor permohonan (SSI-19238057)
- Satu penyataan daripada anda samada menyokong atau membantah cadangan tersebut
- Sebab mengapa anda menyokong atau membantah cadangan tersebut
- Pengisytiharan mengenai sebarang sumbangan berunsur politik yang boleh dilaporkan, yang dibuat dalam tempoh dua tahun sebelum ini.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang proses ini, anda boleh menghubungi Jabatan Perancangan, Industri dan Alam Sekitar NSW.

-  Hubungi: **1300 305 695**
-  E-mel: majorprojectssupport@planning.nsw.gov.au

Jabatan berkenaan boleh menerbitkan sebarang maklumat peribadi yang Anda sertakan dalam penyerahan penghujahan Anda mengenai sesuatu cadangan. Jangan masukkan sebarang maklumat peribadi dalam penyerahan penghujahan Anda, jika Anda tidak mahu maklumat tersebut diterbitkan.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat Pernyataan Privasi Jabatan di: planning.nsw.gov.au/privacy.

Projek-projek berhampiran

Ketahui lebih lanjut tentang rancangan Kerajaan NSW di kawasan anda

Strategi Tempat Pyrmont Peninsular

Dalam talian: planning.nsw.gov.au/pyrmont
E-mel: Pyrmont.Peninsula@planning.nsw.gov.au

Draft Bays West Place Strategy

Dalam talian: planning.nsw.gov.au/bayswest
E-mel: bayswest@dpie.nsw.gov.au



Kawasan di sebelah barat Bays.